



**KENYATAAN SEBUTHARGA
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
NO. SEBUTHARGA : JBNS/2021/01**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (**PUKONSA**) dibawah Kepala 21 Sub Kepala 210101 mendapatkan sebutharga seperti berikut:-

PEROLEHAN TONER DAN INK CARTRIDGE MESIN PENCETAK BAGI TAHUN 2021 UNTUK JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

2. Borang Sebutharga akan dijual mulai **19 April 2021** pada waktu pejabat di Kaunter Hasil, Seksyen Pengurusan Dana, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Level 9, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
3. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebutharga tersebut adalah dikehendaki mengemukakan **RESIT RASMI** yang dikeluarkan oleh Kaunter Hasil, Seksyen Pengurusan Dana setelah bayaran wang tunai berjumlah RM10.00 dibayar kepada pejabat ini sebagai bayaran borang sebutharga.
4. Borang Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada pembekal atau wakil sah sahaja. Untuk maksud ini, pihak pembekal atau wakilnya hendaklah membawa Sijil Pendaftaran ASAL dan Sijil Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (**PUKONSA**) serta **RESIT RASMI ASAL** yang dikeluarkan oleh jabatan ini.
5. Borang sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dengan sesalinan sijil PUKONSA yang masih sah digunakan dalam kod bidang berkaitan. Sesalinan dokumen tersebut mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda **Tajuk Sebutharga** dan **Sebutharga No. JBNS/2021/01** di ruang atas sampul surat dan dialamatkan kepada:

**SETIAUSAHA
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
LEVEL 8-11, BLOK A,
PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH,
JALAN TELUK LIKAS, TANJUNG LIPAT,
88400 KOTA KINABALU, SABAH.**

6. Borang Sebutharga hendaklah dihantar dan dimasukkan terus ke dalam peti sebutharga di Kaunter Utama Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Level 9, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, 88400 Kota Kinabalu, Sabah sebelum pukul **10.00 pagi** pada **06 Mei 2021**.
7. Borang sebutharga yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan di atas akan **ditolak**.
8. Jawatankuasa Sebutharga tidak akan terikat menerima tawaran sebutharga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebutharga serta dokumen sokongannya tidak akan dikembalikan.

**BENDAHARI NEGERI
JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
LEVEL 8-11, BLOK A,
PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH,
JALAN TELUK LIKAS, TANJUNG LIPAT,
88400 KOTA KINABALU, SABAH.**